



11 September 2013
11 September 2013
P.U. (A) 287

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 12) 2013

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 12) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 12) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 12) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

Pemakaian

2. Perintah ini terpakai bagi syarikat yang layak—

(a) yang menjalankan suatu perniagaan perkhidmatan yang layak;

(b) yang memperoleh perusahaan kecil dan sederhana yang menjalankan suatu perniagaan perkhidmatan yang layak yang sama menurut suatu skim pemerolehan;

(c) yang skim pemerolehannya telah ditentukan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia; dan

(d) yang pemerolehannya selesai pada atau selepas 3 Julai 2012 tetapi tidak lewat dari 2 Julai 2015.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini—

“perniagaan perkhidmatan yang layak” ertinya suatu perniagaan berhubung dengan perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“perusahaan kecil dan sederhana” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995 [*Akta 539*];

“skim pemerolehan” ertinya suatu skim yang melibatkan pemerolehan suatu perusahaan kecil dan sederhana oleh suatu perusahaan kecil dan sederhana yang lain mengikut amalan yang diterima umum di Malaysia;

“syarikat yang layak” ertinya—

- (a) suatu perusahaan kecil dan sederhana yang diperbadankan sebagai syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; dan
- (b) bermastautin di Malaysia.

Pengecualian

4. (1) Tertakluk kepada perenggan 8, Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak, berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan perkhidmatan yang layak bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, daripada pembayaran cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun taksiran berturut-turut mulai dari tarikh pemerolehan diselesaikan.

(2) Tertakluk kepada perenggan 5 dan 6, pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

- (a) berhubung dengan suatu syarikat yang layak yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasanya sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang selepas pemerolehan diselesaikan—
 - (i) bagi tiap-tiap ringgit dalam RM500,000.00 yang pertama pendapatan yang boleh dikenakan cukai, kadar cukai

semasa bagi amaun itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 Akta terpakai;

- (ii) bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi RM500,000.00 pendapatan yang boleh dikenakan cukai, pendapatan berkanun hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu A ialah amaun cukai yang dikenakan bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi RM500,000.00 pendapatan yang boleh dikenakan cukai syarikat yang layak itu pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 Akta ditolak dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi RM500,000.00 pada kadar dua puluh peratus;

B ialah amaun cukai yang dikenakan bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi RM500,000.00 pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 Akta; dan

C ialah amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu yang melebihi RM500,000.00.

(b) berhubung dengan suatu syarikat yang layak yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasanya lebih daripada dua juta lima ratus ribu ringgit selepas pemerolehan diselesaikan—

A X C
B

iaitu A ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi syarikat yang layak itu pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 Akta ditolak dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar dua puluh peratus;

B ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 Akta; dan

C ialah amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa

kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberi apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Jumlah pendapatan berkanun syarikat yang layak

5. (1) Bagi maksud perenggan 4, jumlah pendapatan berkanun syarikat yang layak hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu dibuat.

(2) Jika aset yang digunakan bagi maksud perniagaan perkhidmatan yang layak yang disebut dalam subperenggan 4(1) digunakan juga bagi maksud suatu perniagaan selain perniagaan perkhidmatan yang layak itu, maka elaun yang diberikan di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira takat aset itu digunakan bagi maksud perniagaan perkhidmatan yang layak itu.

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai

6. (1) Bagi maksud perenggan 4, pendapatan yang boleh dikenakan cukai syarikat yang layak daripada punca yang terdiri daripada perniagaan perkhidmatan yang layak dan apa-apa punca lain yang terdiri daripada apa-apa aktiviti atau perniagaan lain bagi suatu tahun taksiran, hendaklah merupakan pendapatan berkanun daripada punca itu ditolak dengan mana-mana potongan yang diberi menurut subseksyen 43(2) dan 44(1) Akta yang berhubungan dengan punca itu:

Dengan syarat bahawa pemegang syer syarikat itu, pada hari terakhir tempoh asas bagi tahun taksiran yang di dalamnya skim pemerolehan itu berlaku yang jumlah kerugian larasan ditentukan, hendaklah sebahagian besarnya sama seperti pemegang syer syarikat itu pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran yang amaun itu sebaliknya boleh dipotong di bawah subseksyen itu, dan amaun itu yang telah tidak diambil kira tidak boleh dibenarkan potongan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya menurut subseksyen 44(5A), (5B) dan (5C) Akta.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), dalam membuat potongan di bawah subseksyen 43(2) Akta, kerugian larasan tidak boleh diambil kira, jika ada, daripada

punca perniagaan perusahaan kecil dan sederhana yang diperoleh oleh syarikat yang layak itu.

Punca dan akaun yang berasingan

7. (1) Jika suatu syarikat yang layak menjalankan suatu perniagaan perkhidmatan yang layak dan apa-apa aktiviti atau perniagaan lain, pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan perkhidmatan yang layak itu dan setiap aktiviti atau perniagaan yang lain itu hendaklah dianggap sebagai suatu punca aktiviti atau perniagaan yang berasingan dan berlainan syarikat yang layak itu.

(2) Syarikat yang layak yang dikecualikan di bawah subperenggan 4(1) hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan perkhidmatan yang layak yang disebut dalam subperenggan itu.

Ketidaklayakan untuk mendapat pengecualian

8. Syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran tidak layak mendapat pengecualian di bawah Perintah ini jika, bagi tahun taksiran itu, syarikat yang layak itu—

- (a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A atau elaun pelaburan di bawah Jadual 7B Akta;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];
- (c) telah diberikan suatu pengecualian di bawah seksyen 127 Akta; atau
- (d) telah membuat suatu tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali elaun di bawah Jadual 3 Akta.

JADUAL

1. Perkhidmatan profesional—
 - (a) perakaunan dan percukaian
 - (b) pakar perubatan dan pergigian
 - (c) seni bina
 - (d) kejuruteraan
2. Perkhidmatan kiriman cepat
3. Perkhidmatan pendidikan menengah teknikal dan vokasional (keperluan generik dan khas) sebagaimana yang diperakui oleh Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan menengah teknikal dan vokasional
4. Perkhidmatan latihan kemahiran sebagaimana yang diperakui oleh Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi latihan kemahiran

Dibuat 30 Ogos 2013

[Perb 0.3865/408 JLD.7 (SK.3); LHDN.01/35/(S)/42/51/231-41; PN(PU2)80/LXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 12) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 12) Order 2013**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2012.

Application

2. This Order applies to a qualifying company—

(a) which carries on a business of qualifying services;

(b) which acquires a small and medium enterprise carrying on a business of same qualifying services pursuant to a scheme of acquisition;

(c) whose scheme of acquisition has been verified by the Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia; and

(d) whose acquisition is completed on or after 3 July 2012 but not later than 2 July 2015.

Interpretation

3. In this Order—

“business of qualifying services” means a business in relation to services as specified in the Schedule;

“small and medium enterprises” has the same meaning assigned to it under section 2 of the Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia Act 1995 [Act 539];

“scheme of acquisition” means a scheme involving an acquisition of a small and medium enterprise by another small and medium enterprise in accordance with generally accepted practice in Malaysia;

“qualifying company” means—

- (a) a small and medium enterprise incorporated as a company under the Companies Act 1965 [Act 125]; and
- (b) resident in Malaysia.

Exemption

4. (1) Subject to paragraphs 8, the Minister exempts a qualifying company, in respect of statutory income derived from the carrying on of business of qualifying services for the basis period for a year of assessment, from the payment of income tax for a period of five consecutive years of assessment commencing from the date the acquisition is completed.

(2) Subject to paragraphs 5 and 6, the statutory income referred to in subparagraph (1) shall be determined in accordance with the following formula:

- (a) in relation to a qualifying company which has a paid-up capital in respect of its ordinary shares of two million five hundred thousand ringgit and less after the acquisition is completed—
 - (i) for every ringgit of the first RM500,000.00 of the chargeable income, the prevailing tax rate for the said amount as provided for in paragraph 2A of Part I of Schedule 1 to the Act applies;

- (ii) for every ringgit exceeding RM500,000.00 of the chargeable income, the statutory income shall be calculated in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

- where
- A is the amount of tax charged for every ringgit exceeding RM500,000.00 of the chargeable income of the qualifying company at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2A of Part I of Schedule 1 to the Act reduced by the amount of tax charged on such chargeable income for every ringgit exceeding RM500,000.00 at the rate of twenty per cent;
- B is the amount of tax charged for every ringgit exceeding RM500,000.00 of such chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2A of Part I of Schedule 1 to the Act; and
- C is the amount of such chargeable income exceeding RM500,000.00.

- (b) in relation to a qualifying company which has a paid-up capital in respect of its ordinary shares of more than two million five hundred thousand ringgit after the acquisition is completed—

A X C
B

where A is the amount of tax charged on the chargeable income of the qualifying company at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act reduced by the amount of tax charged on such chargeable income at the rate of twenty per cent;

B is the amount of tax charged on such chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act; and

C is the amount of such chargeable income.

(3) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the provisions of the Act.

Total statutory income of the qualifying company

5. (1) For the purpose of paragraph 4, the total statutory income of the qualifying company shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where an asset used for the purpose of a business of qualifying services referred to in subparagraph 4(1) is also used for the purpose of a business other than

that business of qualifying services, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purpose of that business of qualifying services.

Chargeable income

6. (1) For the purpose of paragraph 4, the chargeable income of a qualifying company from its source consisting of business of qualifying services and any other source consisting of any other activity or business for a year of assessment, shall be the statutory income from that source reduced by any deduction falling to be made pursuant to subsections 43(2) and 44(1) of the Act relating to that source:

Provided that the shareholders of that qualifying company, on the last day of the basis period for the year of assessment where the scheme of acquisition falls in which the amount of adjusted loss is ascertained, shall be substantially the same as the shareholders of that company on the first day of the basis period for the year of assessment in which such amount would otherwise be deductible under that subsection, and such amount disregarded shall not be allowed as a deduction in subsequent years of assessment pursuant to subsections 44(5A), (5B) and (5C) of the Act.

(2) For the purpose of subparagraph (1), in making the deduction under subsection 43(2) of the Act, no regard shall be made to the adjusted loss, if any, from the source of the business of the small and medium enterprise which is acquired by the qualifying company.

Separate source and account

7. (1) If a qualifying company carries on business of qualifying services and any other activity or business, the income derived from the business of qualifying services and each of such other activity or business shall be treated as a separate and distinct source of activity or business of that qualifying company.

(2) The qualifying company which is exempted under subparagraph 4(1) shall maintain a separate account for the income derived from the business of qualifying services referred to in that subparagraph.

Disqualification from exemption

8. A qualifying company in the basis period for the year of assessment shall not qualify to be exempted under this Order where, for that year of assessment, the qualifying company—

- (a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A or investment allowance under Schedule 7B to the Act;
- (b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327];
- (c) has been granted an exemption under section 127 of the Act; or
- (d) has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except for allowances under Schedule 3 to the Act.

SCHEDULE

1. Professional services—
 - (a) accounting and taxation
 - (b) medical and dental specialists
 - (c) architectural
 - (d) engineering
2. Courier services
3. Technical and vocational secondary education services (generic and special needs) as certified by the Ministry charged with the responsibility for technical and vocational secondary education
4. Skills training services as certified by the Ministry charged with the responsibility for skills training

Made 30 August 2013

[Perb 0.3865/408 JLD.7 (SK.3) ; LHDN.01/35/(S)/42/51/231-41; PN(PU2)80/LXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]